

**DASAR EKONOMI BARU:  
KESAN SOSIOEKONOMI DI DAERAH MANJUNG,  
PERAK (1970-1990)**

**Oleh**

**HARZIDATUL ‘AINI BINTI BOHARI**

Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
**Ijazah Sarjana Sastera**

**MAC 2015**

## **PENGAKUAN PENULIS**

Saya akui karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

HARZIDATUL 'AINI BINTI BOHARI

Mac 2015



## **PENGHARGAAN**

Bismillahhirohmanirrohim,

Assalammualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan izinya-Nya yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk menghasilkan tesis ini bagi memperoleh Ijazah Sarjana Sejarah di Universiti Sains Malaysia. Dalam ruangan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nazarudin bin Zainun selaku penyelia tesis ini yang telah meluangkan masa, memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya tunjuk ajar yang telah diberikan telah memudahkan saya untuk menyiapkan tesis ini mengikut masa yang telah ditetapkan. Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga didedikasikan kepada semua pensyarah bahagian sejarah dan Prof Madya Dr. Usman Haji Yaakob, pensyarah bahagian geografi yang telah banyak memberi bantuan dan curahan ilmu sepanjang tempoh pengajian saya pada 2012 hingga 2015. Jasa dan ilmu yang diberikan tidak ternilai harganya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Prof Madya Hajar Abdul Rahim, semua kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM, Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan Negeri Perak, Perpustakaan Hamzah Sendut USM, Perpustakaan Peringatan ZA'BA Universiti Malaya, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Perpustakaan Tun Razak Perak dan Unit Perancang Ekonomi negeri Perak. Malahan ucapan ini juga ditujukan juga kepada Tuan Haji Omar Shariff, Encik Ismail Taib, Encik Abdul

Halim Shaari, Encik Zainal Taib, Puan Salmah Ibrahim, Haji Sharudin Abdullah, Encik Azmi Ahmad, Puan Naimah Sulaiman, Encik Chang Ah Haw dan Encik Kalippan Rammasamy. Juga tidak ketinggalan Puan Fatimah Nor Abd Rahim daripada Majlis Perbandaran Manjung dan En. Wan Abdul Rahim Wan Ahmad daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Haji Hamdan Abu Bakar daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama yang padu kepada saya tanpa rasa jemu. Tanpa kerjasama kalian, sudah pasti kajian ini tidak dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan.

Sekalung kasih sayang dan jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga tercinta khasnya kepada bonda tersayang Noorziah Hanin binti Ton Zailan Ahmad dan ayahanda Bohari bin Sumadi serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kata-kata semangat dan memberikan inspirasi dalam penghasilan kajian ini. Di samping itu, tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan kata-kata dorongan untuk menghasilkan kajian yang terbaik dan dapat memberikan inspirasi kepada para pembaca. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak yang tidak dinyatakan namanya di sini. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada para pembaca serta mendapat keberkatan dari-Nya. Aamiin.

Sekian.

## SENARAI KANDUNGAN

Halaman

### **PENGAKUAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI GRAF GARIS</b>	viii
<b>SENARAI CARTA BAR</b>	ix
<b>SENARAI CARTA BAR PIRAMID</b>	x
<b>GLOSARI</b>	xi
<b>ABSTRAK</b>	xii
<b>ABSTRACT</b>	xiii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Kajian Lalu	5
1.3 Permasalahan Kajian	16
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Skop Kajian	18
1.7 Kaedah Kajian	20
1.8 Organisasi Kajian	21

### **BAB 2 DASAR EKONOMI BARU**

2.1 Pengenalan	23
2.2 Sosioekonomi Malaysia Sebelum DEB	24

2.3 Sosioekonomi Perak Sebelum DEB	28
2.4 Sosioekonomi Manjung Sebelum DEB	32
2.5 Kemunculan DEB	35
2.6 Dasar Ekonomi Baru	44
2.7 Objektif DEB	47
2.8 Pelaksanaan Awal DEB di Perak	53
2.9 Pelaksanaan Awal DEB di Manjung	56

### **BAB 3 PELAKSANAAN DEB DI DAERAH MANJUNG**

3.1 Pengenalan	60
3.2 Manjung Sehingga 1970	61
3.3 Membasmi Kemiskinan	61
3.3.1 Perikanan	63
3.3.2 Pertanian	70
3.3.3 Penternakan	73
3.3.4 Perindustrian	74
3.3.5 Pelancongan	77
3.4 Menyusun Semula Masyarakat	81
3.4.1 Penyertaan Bumiputera dalam Sektor Moden	81
3.4.2 Pembinaan Bandar Baru Seri Manjung	85
3.5 Pembangunan Fizikal	90
3.5.1 Pendidikan	94
3.6 Masyarakat dan DEB	97

## **BAB 4 DEB DAN IMPLIKASI DI DAERAH MANJUNG**

4.1 Pengenalan	106
4.2 Jumlah Penduduk dan Unit Kediaman	107
4.3 Sektor Ekonomi	110
4.3.1 Perikanan	111
4.3.2 Pertanian	121
4.3.3 Penternakan	127
4.3.4 Pelancongan	131
4.3.5 Penyertaan Orang Melayu dalam Sektor Pekerjaan	133

4.4 Penduduk di Bandar Baru Seri Manjung	140
--	-----

4.5 Pembangunan Infrastruktur	142
4.5.1 Pendidikan	143
4.5.2 Elektrik dan Air	148
4.5.3 Kemudahan Tandas	151
4.5.4 Kesihatan	154

<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	157
-------------------------	-----

5.1 Batasan Kajian	157
5.2 Kesimpulan	158

<b>BIBLIOGRAFI</b>	164
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>
-----------------

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>	
Jadual 4.1	Statistik Penternakan (Ternakan Darat) di Daerah Manjung dari 1970 hingga 1990	128
Jadual 4.2	Jumlah Sekolah Bantuan Kerajaan di Daerah Manjung dari 1960 hingga 1990	144
Jadual 4.3	Bilangan Unit Perumahan yang Mempunyai Kemudahan Elektrik dan Air di Daerah Manjung pada 1980 dan 1991	149

## **SENARAI GRAF GARIS**

	<b>Halaman</b>
Graf Garis 4.1 Jumlah Penduduk dan Unit Kediaman Daerah Manjung dari 1957 hingga 1990	107
Graf Garis 4.2 Jumlah Penggunaan Bot yang Berdaftar di Daerah Manjung dari 1977 hingga 1990	116

## **SENARAI CARTA BAR**

	<b>Halaman</b>
Carta Bar 4.1 Jumlah Nelayan Berdaftar di Daerah Manjung dari 1970 hingga 1990	112
Carta Bar 4.2 Jumlah Guna Tanah untuk Empat Tanaman Utama di Daerah Manjung dari 1976 hingga 1990	122
Carta Bar 4.3 Jumlah Unit Kediaman yang Dilengkapi Kemudahan Tandas di Daerah Manjung dari 1970 hingga 1991	152

## **CARTA BAR PIRAMID**

**Halaman**

Carta Bar Piramid 4.1	Jumlah Penduduk yang Berumur 15-64 Tahun Bekerja Mengikut Industri, Kumpulan Etnik di Daerah Manjung pada 1980 hingga 1990	134
-----------------------	--	-----

## **GLOSARI**

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DPDC	<i>Dindings Poultry Development Centre</i>
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
FELCRA	<i>Federal Land Consolidations and Rehabilitation Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
GRT	<i>Gross Register Tone</i>
ITM	Institut Teknologi Mara
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPN	Kawasan Pembangunan Nelayan
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KUKENAL	Persatuan Kumpulan Kecil Nelayan
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKPT	Lembaga Kemajuan Perumahan Tempatan
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysia Indian Congress</i>

**DASAR EKONOMI BARU:  
KESAN SOSIOEKONOMI DI DAERAH MANJUNG, PERAK (1970-1990)**

**ABSTRAK**

Kajian ini memberi tumpuan pada persoalan sejauh manakah Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang telah diimplementasi dari 1970 hingga 1990 memberi kesan kepada sosioekonomi penduduk daerah Manjung. Kajian meliputi tempoh selama 20 tahun bermula daripada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak pada 1970. Kajian ini juga cuba meninjau sejauh manakah dua matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tercapai di daerah Manjung. Penilaian berkaitan pencapaian DEB ini diukur dari aspek ekonomi, penyertaan orang Melayu dalam sektor ekonomi moden, taraf hidup masyarakat, dan pembangunan infrastruktur. Kajian ini menggunakan sumber pertama dan kedua yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia dan jabatan kerajaan serta hasil temu bual dengan pihak pentadbir dan penduduk di daerah Manjung. Dapatan kajian ini berjaya menjelaskan bahawa dua matlamat DEB telah berjaya dilaksanakan berdasarkan pembaharuan-pembaharuan yang dicapai dalam sektor ekonomi dan sosial sepanjang 20 tahun pelaksanaan. Perkembangan positif dalam aspek pembangunan infrastruktur di daerah Manjung juga merupakan antara faktor yang membawa kepada kejayaan DEB di daerah Manjung.

**THE NEW ECONOMIC POLICY:  
SOCIO-ECONOMIC IMPACT IN MANJUNG DISTRICT, PERAK  
(1970-1990)**

**ABSTRACT**

The study focuses on the impact of the New Economic Policy (NEP), which was implemented from 1970 until 1990, on the socio-economic development in Manjung district. The study covers the period of 20 years starting from Tun Abdul Razak's leadership in 1970. It aims to determine the extent to which both the objectives of the NEP, namely eradicating poverty and restructuring society have been achieved in the Manjung district. The evaluation on the achievements of the NEP is measured from the aspects of economic growth, participations of the Malays in the modern economic sectors, the living standards of the society and the infrastructural development. This study utilizes primary and secondary sources from the National Archives of Malaysia and relevant Government departments, as well as through interviews with administrative party and residents of the Manjung district. The findings of the study show that the objectives of the NEP have been achieved based on improvements made in the economic and social sectors throughout the 20 years of its implementation. Positive outcomes in the infrastructural development in Manjung district are also among the factors that have led to the success of the NEP there.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang

Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan begitu pesat selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Pertumbuhan yang tetap bagi setengah abad ini jelas menunjukkan bahawa negara mempunyai struktur ekonomi yang mantap dan tentunya bukan sebuah pencapaian yang calang-calang untuk mana-mana negara sama ada dalam negara maju maupun yang sedang membangun.<sup>1</sup> Keadaan ini sudah pasti membawa kepada perubahan statistik pertumbuhan ekonomi negara apabila Malaysia telah berjaya meletakkan kejayaan ekonominya dalam pentas kemajuan ekonomi dunia khususnya dalam kalangan negara ASEAN. Hal ini terjadi disebabkan Malaysia telah melaksanakan strategi perkembangan ekonomi di setiap negeri sebelum 1969.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mukhriz Mahathir dan Khairy Jamaludin, *Dasar Ekonomi Baru Intipati*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004, hlm. xi.

<sup>2</sup> Dalam Rancangan Malaysia Pertama bermula pada 1966 hingga 1970, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Misalnya dalam sektor perindustrian kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti kemudahan air, elektrik, rangkaian komunikasi seperti telefon dan kemudahan pengangkutan untuk memastikan peningkatan hasil pengeluaran daripada sektor perindustrian. Di samping itu diharapkan strategi ini dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. *Mid Term Review of The First Malaysia Plan 1966-1970*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, hlm. 21 dan 81.

Meskipun strategi untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dalam pelbagai aspek giat dilaksanakan, namun situasi tersebut tidak mampu membendung terjadinya tragedi berdarah pada 13 Mei 1969<sup>3</sup> yang telah menyaksikan banyak nyawa terkorban. Susulan daripada peristiwa tersebut, satu pelan tindakan telah digubal untuk memberi ruang penyertaan yang seimbang bagi semua etnik yang terdapat di Malaysia. Pelan tersebut dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak semasa pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 1970. Beliau juga merupakan Pengurus Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan bertanggungjawab memperkenalkan dasar ini semasa Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) pada 1971-1975.<sup>4</sup>

Terdapat dua matlamat utama pelaksanaan DEB pada 1970. Matlamat pertama ialah memastikan kadar kemiskinan penduduk dapat dikurangkan. Hal ini supaya kadar pendapatan serta peluang memperoleh pekerjaan tanpa mengira kaum bagi semua

---

<sup>3</sup> Rusuhan yang terjadi pada 1969 membuktikan petanda terdapat masalah yang serius berlaku dalam struktur masyarakat yang telah dicipta oleh pihak penjajah semasa mereka memerintah negara ini. Parti Perikatan menang majoriti mengalahkan parti pembangkang. Walau bagaimanapun keputusan pilihan raya pada waktu itu jelas menunjukkan bahawa rakyat telah memberi perhatian kepada Parti Gerakan. Buktinya kedudukan UMNO di Kedah, Perak dan Selangor semakin goyah apabila jumlah undi untuk Parti Gerakan semakin meningkat. Pertembungan perarakan yang dibuat pada 13 Mei oleh kedua-dua parti untuk meraikan kejayaan Parti Perikatan yang menang besar dan kejayaan memancing undi sehingga menyebabkan kedudukan Parti Perikatan semakin goyah oleh Parti Gerakan telah menyebabkan berlaku perselisihan faham sehingga membawa kepada rusuhan. Kisah hitam ini telah mengorbankan 137 orang terbunuh dan lebih 300 orang cedera serta kerosakan harta benda yang begitu merugikan. Tragedi ini telah menyebabkan berlakunya suatu perubahan besar kepada negara. Tunku Abdul Rahman, *13 Mei Sebelum dan Selepas*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2007, hlm. 59-74 dan Kua Kia Soong, *May 13: Declassified Documents on The Malaysian Riots of 1969*, Petaling Jaya: SUARAM, 2011, hlm. 43-45.

<sup>4</sup> Ishak Saat, *Malaysia 1945-2000*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009, hlm. 174.

masyarakat di Malaysia dapat ditingkatkan menerusi program-program pemulihan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan.<sup>5</sup>

Matlamat kedua ialah memastikan proses penyusunan semula masyarakat dapat dilaksanakan supaya sebarang ketidakseimbangan ekonomi antara kaum yang berlaku dapat dipulihkan. Proses ini harus dilihat melalui perkembangan ekonomi serta penyertaan bumiputera khususnya orang Melayu dengan penyertaan 30 peratus orang Melayu dalam sektor ekonomi moden.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun dasar ini tidak akan menyebabkan peluang untuk kaum bukan bumiputera memantapkan ekonomi mereka terhalang. Melalui DEB, pihak kerajaan berhasrat agar lebih banyak peluang ekonomi dapat diwujudkan dan diagihkan secara adil dan saksama kepada semua kaum.<sup>7</sup>

Hal ini untuk memastikan integrasi ekonomi dan hubungan antara kaum berada pada landasan sama adil sekali gus semangat perpaduan dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Jelaslah di sini bahawa DEB merupakan alat untuk mengelakkan peristiwa 13 Mei 1969 kembali berulang menerusi dua matlamat tersebut.<sup>8</sup> Tidak keterlaluan sekiranya menganggap DEB sebagai penggerak kepada dasar ekonomi negara sekali gus menjadi kunci kejayaan negara terutama dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

---

<sup>5</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapore: Oxford University Press 1991, hlm. 24.

<sup>6</sup> *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein 1971*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1976, hlm. 2.

<sup>7</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, hlm. 24.

<sup>8</sup> Ooi Kee Beng, "The New Economics Policy and The Centralisation Power" dalam Edmund Terence Gomez & Johan Saravanamuttu, *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, Singapore: National University of Singapore, 2013, hlm 320.

Negeri Perak Darul Ridzuan adalah negeri keempat terbesar di Malaysia selepas negeri Sarawak, Sabah dan juga Pahang. Luas negeri Perak adalah 21,005 kilometer persegi<sup>9</sup> dan bersempadan dengan negeri Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Selangor dan Kelantan.<sup>10</sup> Sebelum pengenalan DEB, negeri Perak<sup>11</sup> merupakan sebuah negeri yang telah mempunyai kedudukan ekonomi yang mantap kerana negeri ini mempunyai pelbagai sumber ekonomi yang berharga serta mampu menjana pendapatan sendiri. Sebagai bukti, negeri Perak telah menjadi pengeluar utama bijih timah sejak 1850-an lagi serta menjalankan kegiatan ekonomi yang lain seperti pertanian, perikanan dan sebagainya.

Negeri Perak tidak sahaja terikat dengan ekonomi bijih timah semata-mata kerana negeri bertuah ini juga menjalankan aktiviti ekonomi yang lain. Misalnya seperti sektor perikanan, perindustrian, pertanian, pelancongan dan lain-lain lagi sektor ekonomi yang dapat menjana pendapatan negeri. Di samping itu, komposisi penduduk juga tidak lagi terikat seperti zaman dasar pecah dan perintah sebelumnya. Hal ini kerana setiap kaum di negeri Perak telah menjalinkan interaksi ekonomi yang lebih baik selaras dengan matlamat DEB. Tidak dapat dinafikan bahawa selepas DEB dilancarkan, keadaan ekonomi serta sosial penduduk Perak menunjukkan perubahan pola kehidupan.

---

<sup>9</sup> Terdapat sembilan buah daerah di negeri Perak. Daerah terbesar ialah Hulu Perak iaitu seluas 6,563 kilometer persegi manakala daerah terkecil adalah Kerian yang meliputi seluas 958 kilometer persegi. Mokhtar Petah, *Reformasi Fikiran dan Pembangunan di Bawah Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib*, Kuala Lumpur: Percetakan Cordova (M) Sdn. Bhd, 1994, hlm. 131.

<sup>10</sup> Asmad, *Perak Darul Ridzuan*, Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd., 1987, hlm. 29.

<sup>11</sup> Negeri Perak bermaksud negeri pemberian. Malahan asal usul nama negeri Perak dipercayai diperoleh daripada warna bijih timah kerana memang tidak dinafikan bahawa negeri Perak kaya dengan sumber bijih timah. Penemuan bijih timah di Larut oleh Long Jaafar telah memberi peluang imigran asing terutama imigran dari China masuk ke negeri Perak. Teon Lee Kim dan Norzima, *Negeri Bijih Timah*, Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise, 1994, hlm. 1-4.

Hal ini kerana pelaksanaan DEB di negeri ini telah banyak membantu memajukan sosioekonomi penduduk negeri Perak.

## 1.2 Kajian Lalu

Dalam menghasilkan kajian ini, terdapat ramai sarjana telah memberikan pendapat mereka mengenai DEB kepada ekonomi Malaysia. Antaranya pada 1990, Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais B. Saniman telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*.<sup>12</sup> Kandungan buku ini lebih memfokuskan matlamat penubuhan DEB pada 1970 daripada aspek kelebihan serta kelemahan pengenalan dasar ini terhadap sektor ekonomi negara. Malah rujukan ini menerangkan secara lengkap pelaksanaan DEB yang telah mengubah corak ekonomi negara serta memastikan matlamat penyatuan semula masyarakat bukanlah suatu omongan kosong. Buktinya:

“Kerajaan akan berbuat apa sahaja bagi menggalakkan perpaduan negara dan membangunkan masyarakat Malaysia yang adil dan progresif dalam suasana ekonomi yang berkembang dengan pesat, supaya tidak sesiapa juga akan mengalami apa-apa kehilangan atau mempunyai perasaan penafian hak keistimewaan, pekerjaan atau peluang.”<sup>13</sup>

Seterusnya rujukan ini memberikan pelbagai maklumat mengenai cara dasar ini dilaksanakan dalam membentuk ekonomi negara yang baharu. Misalnya pengenalan RMK2 untuk memastikan proses DEB dapat berjalan dengan lancar. Malahan rujukan ini juga menghuraikan perjalanan DEB itu sendiri dari RMK2 sehingga Rancangan

---

<sup>12</sup> Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais B. Saniman, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

<sup>13</sup> Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais B. Saniman, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, hlm. 34.

Malaysia Kelima (RMK5). Secara keseluruhannya, buku ini merupakan sebuah buku yang wajib dirujuk apabila membicarakan perihal DEB di Malaysia.

Di samping itu, mereka juga ada menulis buku yang bertajuk *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*.<sup>14</sup> Secara keseluruhan buku ini membahaskan secara terperinci tentang kegiatan ekonomi orang Melayu sejak dari zaman pengenalan dualisme ekonomi yang diperkenalkan oleh pihak British sehingga pengenalan pelbagai jenis dasar ekonomi semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat bermula 16 Julai 1981 hingga 31 Oktober hingga 2003.<sup>15</sup> Terdapat juga maklumat yang berkaitan kaum selain Melayu misalnya iaitu Cina serta India. Misalnya dalam bab kelima<sup>16</sup> dalam buku ini yang membincangkan keadaan serta kedudukan orang Cina serta orang India terutamanya berkenaan parti-parti yang diwujudkan untuk membela kepentingan kaum masing-masing.

Seterusnya buku yang banyak menyentuh elemen DEB ditulis oleh Fong Chan Onn iaitu *Dinamo Ekonomi Baru: Struktur dan Peluang Pelaburan di Malaysia*.<sup>17</sup> Buku ini memberikan maklumat terperinci mengenai matlamat DEB dengan memberi sedikit gambaran tentang struktur pengeluaran hasil negara sebelum DEB diperkenalkan.

---

<sup>14</sup> Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*, Shah Alam: SPEKTRA, (Radius Media Sdn. Bhd.), 1991.

<sup>15</sup> *A Doctor in The House, The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2001, hlm. 1

<sup>16</sup> Tajuk perbahasan menjadi tajuk untuk bab kelima. Selain membahaskan hal berkaitan dengan kedudukan serta parti-parti yang ditubuhkan untuk orang Cina dan orang India terdapat juga sub-sub topik yang membincangkan kedudukan orang Melayu dalam UMNO, PAS, Angkatan 46 dan sebagainya. Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*, hlm. 148- 203.

<sup>17</sup> Fong Chan Onn, *Dinamo Ekonomi Baru: Struktur dan Peluang Pelaburan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Rujukan ini sangat membantu untuk melihat keadaan ekonomi negara sebelum dan selepas DEB diperkenalkan. Misalnya pelbagai data penting tentang sektor ekonomi telah dilampirkan bermula dari bab kedua sehingga bab sembilan dalam rujukan ini.

Seterusnya buku Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail bertajuk *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*<sup>18</sup> juga dapat membantu dalam memperoleh maklumat mengenai pembangunan ekonomi bumiputera selepas 1990. Buku ini merupakan sebuah rujukan yang menghimpunkan pelbagai kertas kerja yang telah dibentangkan oleh ahli panel yang berpengalaman dalam bidang ekonomi negara. Matlamat utama penghasilan buku ini untuk menilai kembali prestasi pencapaian ekonomi bumiputera semasa berakhirnya tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dari 1971-1990.

Di samping itu, penekanan terhadap masalah kemiskinan yang melanda etnik bumiputera<sup>19</sup> serta tindakan yang diambil oleh kerajaan sehingga Dasar Pembasmian Kemiskinan dilaksanakan pada 1990-an juga dibahas dalam buku ini. Hal ini perlu dititikberatkan untuk memastikan kemiskinan sifar dapat diwujudkan dalam kalangan etnik bumiputera meskipun tempoh pelaksanaan DEB telah berakhir.

---

<sup>18</sup> Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail, *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.

<sup>19</sup> Kebanyakan masalah kemiskinan di Malaysia biasanya melanda kawasan pedalaman serta kaum bumiputera. Buktinya pada 1987 kadar kemiskinan luar bandar di Semenanjung Malaysia ialah 22.4% berbanding 8.1% di kawasan bandar. Antara negeri-negeri yang terlibat dalam masalah kemiskinan yang tinggi ialah Kelantan (31.6%), Kedah (31.3%), Perlis (29.1%), Terengganu (36.1%) Perak (19.9%) dan Negeri Sembilan (21.5%). Bilangan isi rumah bumiputera miskin ialah 393,500 orang di Semenanjung, 86,100 di Sabah dan 68,000 di Sarawak. Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail, *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, hlm. 249-230.

Selain itu, Perdana Menteri Keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003) juga telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Jalan ke Puncak*<sup>20</sup> yang membicarakan pelan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan Malaysia terus mencapai kemajuan. Misalnya dalam bab ketiga iaitu bab berkaitan dengan DEB dan pelan tindakan Afirmatif.<sup>21</sup> Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, DEB adalah sejenis tindakan afirmatif yang sederhana sahaja. Tambah beliau:

“Hasilnya kekal tidak akan adil sepenuhnya kepada bumiputera yang ketinggalan. Hanya mereka yang bersentimen perkauman melampau dan yang menegakkan prinsip ‘pemegang bolot semua’ atau ‘setiap orang untuk diri sendiri’ mungkin menganggap DEB tidak adil. DEB sedikit sebanyak merupakan contoh pelaksana pendekatan tindakan afirmatif yang digubal di Amerika Syarikat dan kadang kala berjaya kadang kala gagal kebelakangan ini.”<sup>22</sup>

Pertumbuhan dalam ekonomi dan sosial masyarakat adalah perkara utama dalam kejayaan DEB. Sumber-sumber yang mampu untuk membaiki ketidakseimbangan antara kaum haruslah dijana daripada kekayaan baharu melalui perkembangan dalam bidang perniagaan sedia ada atau memulakan perniagaan baru.<sup>23</sup>

Seterusnya buku yang ditulis oleh Muhkriz Mahathir dan Khairy Jamaludin bertajuk *Dasar Ekonomi Baru Intipati*<sup>24</sup> juga merupakan rujukan yang perlu diteliti apabila membahaskan DEB. Secara amnya, buku ini memfokuskan perihal DEB secara

---

<sup>20</sup> Mahathir Mohamad, *Jalan ke Puncak*, Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1999.

<sup>21</sup> Amerika Syarikat telah membentuk *Affirmative Action* atau tindakan afirmatif untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara orang kulit hitam dengan orang Hispanik berbanding dengan kulit putih. Hal ini kerana orang kulit hitam dan orang Hispanik di Amerika Syarikat kurang berjaya berbanding orang kulit putih dan kebanyakan mereka hanya mampu mendapat pekerjaan yang bergaji rendah. Mahathir Mohamad, *Jalan ke Puncak*, hlm. 75-78.

<sup>22</sup> Mahathir Mohamad, *Jalan ke Puncak*, hlm. 88.

<sup>23</sup> Mahathir Mohamad, *Jalan ke Puncak*, hlm. 97.

<sup>24</sup> Muhkriz Mahathir dan Khairy Jamaludin, *Dasar Ekonomi Baru Intipati*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2004.

terperinci dengan memberi penekanan terhadap cabaran yang perlu dipikul oleh semua pihak untuk memastikan agenda DEB dapat dilaksanakan. Malahan kesan yang berlaku akibat pengenalan DEB juga dibincangkan terutamanya aspek menghapuskan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Malaysia dan cara untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Menurut pandangan mereka, meskipun DEB mempunyai kekurangannya tetapi dasar ini mampu untuk menangani masalah yang berlaku dalam ekonomi kaum di Malaysia.<sup>25</sup>

Seterusnya tulisan oleh Azmah Abdul Manaf bertajuk *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*<sup>26</sup> yang memfokuskan keadaan sosial masyarakat Malaysia. Pada pendapat beliau, aspek utama yang telah mencorakkan setiap perubahan yang berlaku dalam aspek sosial masyarakat adalah disebabkan aspek ekonomi negara tersebut. Kenyataan ini juga disokong oleh sarjana seperti Khoo Kay Kim. Menurut beliau:

“Ekonomi merupakan daya penggerak yang penting dalam kehidupan manusia. Perubahan-perubahan yang utama dalam sejarah manusia sering kali terjadi akibat persaingan ekonomi atau pengejaran sumber-sumber ekonomi.”<sup>27</sup>

Di samping itu, terdapat juga rujukan dalam bahasa Inggeris yang membahaskan DEB 1970. Misalnya K.S Jomo yang bertajuk *Growth and Structural Change in the Malaysian Economy*.<sup>28</sup> Rujukan ini merupakan kajian yang membahaskan keadaan ekonomi Malaysia sejak dari zaman pentadbiran British sehingga Malaysia menghadapi

---

<sup>25</sup> Muhriz Mahathir dan Khairy Jamaludin, *Dasar Ekonomi Baru Intipati*, hlm. 23.

<sup>26</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.

<sup>27</sup> Khoo Kay Kim, "Bijih Timah dalam Sejarah Perak" dalam Adnan Nawang, (eds), *Perak: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988, hlm. 35.

<sup>28</sup> K.S Jomo, *Growth and Structural Change in The Malaysian Economy*, London: The Macmillan Press Ltd, 1990.

cabaran untuk memajukan ekonominya. Menurut beliau masalah politik wang seperti rasuah dan perasaan prasangka antara orang Melayu dan orang bukan Melayu menjadi pemangkin kepada masalah pembangunan ekonomi.<sup>29</sup>

Sudhir Anand dalam bukunya yang bertajuk *Inequality and Poverty in Malaysia Measurement and Decomposition*<sup>30</sup> pula menyentuh mengenai perkembangan dasar DEB secara keseluruhannya. Beliau menyatakan kerajaan Malaysia cuba memastikan jurang pendapatan antara kaum dapat diatasi selaras dengan matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan serta perpecahan antara kaum. Tambah beliau:

*"Despite the differences between the two prongs of the NEP, there turns out to be a common area of policy in which the two are mutually consistent. The first prong seeks to help the poor irrespective of race; the second prong seeks to help Malays, including middle-and upper-income Malays. As it happens, the intersection of the target groups is rather large, with almost four-fifths (78.1 percent) of poor household Malays, and just over half (51.4 percent) of Malays household poor (see table 4-3). Hence policies that raise the incomes of poor Malays will help promote both prong."*<sup>31</sup>

Selain itu artikel bertajuk "Some Notes on The Feasibility and Consistency of The New Economic Policy" oleh C.L Robless<sup>32</sup> juga membincangkan DEB dalam konteks keadilan sosial, pembangunan ekonomi yang merangkumi perubahan struktur ekonomi, pendapatan dan penyusunan semula kaum dalam sektor pekerjaan. Menurut beliau, untuk memastikan matlamat DEB dapat dicapai satu rangka yang dikenali

---

<sup>29</sup> K.S Jomo, *Growth and Structural Change in The Malaysian Economy*, hlm. 231.

<sup>30</sup> Sudhir Anand, *Inequality and Poverty in Malaysia Measurement and Decomposition*, London: Oxford University Press, 1983.

<sup>31</sup> Sudhir Anand, *Inequality and Poverty in Malaysia Measurement and Decomposition*, hlm. 299.

<sup>32</sup> C.L Robless "Some Notes on The Feasibility and Consistency of The New Economic Policy", dalam Stephen Chee dan Khoo Siew Mun, *Malaysian Economic Development and Policies*, Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association, 1975.

sebagai RRJP, (Rangka Rancangan Jangka Panjang) telah digubal dalam RMK2 (1971-1975).

Di samping itu buku bertajuk *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice* juga merupakan salah satu rujukan baharu yang membincarkan tentang DEB dalam konteks peranan tindakan afirmatif sebagai penyelesaian terhadap ketidaksamarataan peluang ekonomi dan sosial antara kaum. Malahan pembangunan sektor sosioekonomi yang dirancang berlandaskan tindakan ini dapat memastikan dua matlamat DEB berjaya dicapai. Dalam buku tersebut terdapat beberapa sarjana membincangkan pelaksanaan tindakan tersebut dalam membantu memajukan setiap sektor sosioekonomi seperti tindakan afirmatif dalam pembangunan perusahaan, sektor perkhidmatan awam misalnya hospital dan penyertaan kaum bumiputera. Malahan satu perkara yang harus ditekankan dalam DEB juga adalah hak dan peranan orang Asli sebagai kaum bumiputera dan rakyat negara ini harus diketengahkan.<sup>33</sup> Seharusnya DEB harus difahami sebagai suatu kaedah untuk memperbaiki kekurangan yang timbul hasil daripada pengenalan ekonomi mengikut kaum.

Di samping itu terdapat sebuah buku yang perlu dirujuk hasil tulisan Gordon P. Means yang bertajuk *Malaysia Politics: The Second Generation*. Hal ini kerana aspek yang berkaitan dengan keadaan semasa Rusuhan 1969 dan pentadbiran Tun Abdul

---

<sup>33</sup> Kejayaan DEB sebenarnya belum sampai ke tahap yang paling membanggakan. Hal ini kerana masih terdapat kaum bumiputera khususnya Orang Asli masih hidup dalam kedaifan. Buktinya lebih separuh daripada populasi masyarakat ini hidup tanpa kemudahan asas seperti air dan elektrik, pendidikan, kesihatan dan sebagainya yang dirasai oleh kaum bumiputera lain khasnya orang Melayu. Rusaslinna Idrus, "Left Behind: The Orang Asli under the New Economic Policy" dalam Edmund Terence Gomez dan Johan Saravanamuttu, (eds), *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, hlm. 277.

Razak juga dibahaskan. Menurut beliau, kejayaan DEB dapat dilihat apabila penyertaan lebih banyak kaum Melayu dan bumiputera dalam sektor kerajaan, pendidikan dan penglibatan dalam sektor swasta. Malahan peningkatan sebanyak 65 hingga 90 peratus pelajar Melayu pada 1980-an yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti awam seperti Universiti Malaya juga merupakan petanda bahawa kerajaan begitu bersungguh-sungguh membantu menyediakan peluang kemudahan kepada mereka. Malahan peningkatan bantuan yang diberikan khas kepada orang Melayu melalui pelbagai agensi swasta yang telah mendapat mandat daripada kerajaan untuk membantu golongan sasaran semakin memberangsangkan. Di samping itu aspek penstrukturran semula masyarakat dilihat apabila semakin banyak sektor moden seperti perdagangan dan industri yang memberikan bantuan latihan dan kemahiran kepada orang Melayu. Hal ini agar mereka dapat melibatkan diri secara serius dalam sektor yang semakin berkembang maju dalam pentas ekonomi negara.<sup>34</sup>

Seterusnya buku yang ditulis oleh Mohammad Raduan Mohd Ariff yang bertajuk *Perusahaan Perikanan di Semenanjung Malaysia*<sup>35</sup> banyak menyentuh tentang bidang perikanan terutama dalam konteks pemasaran ikan serta perkembangan jumlah ikan yang berjaya diraih oleh nelayan-nelayan di Semenanjung Malaysia sejak 1970-an. Meskipun beliau memfokuskan perihal sektor perikanan, beliau juga membincangkan keadaan sosioekonomi kaum nelayan dari pelbagai aspek. Misalnya aspek pembahagian pendapatan nelayan, taraf pelajaran serta perkara-perkara yang berkaitan dengan sosial masyarakat nelayan. Menurut beliau dalam aspek pembahagian pendapatan nelayan:

---

<sup>34</sup> Gordon P. Means, *Malaysia Politics: The Second Generation*, hlm. 25-27.

<sup>35</sup> Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Perusahaan Perikanan di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988.

“Pembahagian pendapatan merupakan satu aspek penting dalam memahami kaedah ekonomi nelayan di Semenanjung Malaysia. sistem pembahagian pendapatan menentukan kadar pendapatan bulanan nelayan dan juga kadar keuntungan bagi tauke atau tuan punya bot dalam industri perikanan.”<sup>36</sup>

Seterusnya buku yang membincangkan sosioekonomi nelayan di negeri Perak seperti Wan Hashim Wan Teh yang bertajuk *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*<sup>37</sup> merupakan sebuah rujukan yang memfokuskan keadaan sosioekonomi masyarakat nelayan di Pulau Pangkor semasa Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3) dilaksanakan pada 1976 hingga 1980. Terdapat juga maklumat mengenai keadaan masyarakat di Pulau Pangkor semasa peristiwa pergaduhan antara orang Melayu dan orang Cina pada 1 Mei 1959 sehingga membawa kepada pengisytiharan perintah berkurung kepada penduduk.<sup>38</sup>

Beliau juga telah menghasilkan buku yang bertajuk *Kesedaran Kelas dan Konflik Kelas dalam Sebuah Komuniti Nelayan*.<sup>39</sup> Tumpuan kawasan kajian adalah di sekitar perkampungan di Pulau Pangkor. Menurut beliau majoriti masyarakat di Pulau Pangkor menjadikan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber utama pendapatan mereka. Orang Cina merupakan kaum yang paling ramai menjadi nelayan sebelum DEB dilaksanakan. Selain itu, paparan mengenai organisasi pekerjaan nelayan, jenis-jenis peralatan yang

---

<sup>36</sup> Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Perusahaan Perikanan di Semenanjung Malaysia*, hlm. 124.

<sup>37</sup> Wan Hashim Wan Teh, *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980.

<sup>38</sup> Terdapat beberapa versi yang diceritakan oleh penduduk mengenai sebab tercetusnya pergaduhan ini. Antara puncanya berlaku pergaduhan kecil antara anak muda orang Melayu dan Cina semasa mereka bermain judi. Ada juga yang berpendapat terdapat anak muda Melayu yang mengganggu wanita muda berbangsa Cina sehingga menimbulkan rasa marah kepada pemuda Cina. Wan Hashim Wan Teh, *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor*, hlm. 47-53.

<sup>39</sup> Wan Hashim Wan Teh, *Kesedaran Kelas dan Konflik Kelas dalam Sebuah Komuniti Nelayan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982.

digunakan dan tuntutan nelayan untuk menaikkan harga ikan juga dibincangkan oleh beliau.

Di samping itu, terdapat juga penulisan ilmiah yang telah dihasilkan oleh Muhammad Azam Ghazali, pelajar sarjana muda Universiti Malaya yang bertajuk Perkembangan Bandar Baru Seri Manjung pada 1994. Menurut beliau, pembinaan bandar baru juga selaras dengan matlamat DEB untuk menyatupadukan masyarakat. Hal ini kerana pembinaan bandar dijadikan sebagai medium yang akan menyediakan tempat tinggal kepada kaum Melayu dan bumiputera untuk menetap di kawasan bandar. Selain itu melalui pembinaan Bandar Baru Seri Manjung juga merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan kaum Melayu dan bumiputera untuk terlibat secara aktif khususnya dalam sektor ekonomi moden. Hal ini untuk memastikan matlamat penyertaan kaum Melayu dan bumiputera sebanyak 30 peratus dalam sektor ekonomi moden selaras dengan matlamat DEB.<sup>40</sup>

Selain itu, kajian oleh Kalsom Yop Mohd Kasim yang bertajuk Pembangunan Perindustrian di Bandar Ipoh dalam Konteks Dasar Ekonomi Melayu. Kajian ini cuba melihat sejauh mana penyertaan kaum bumiputera dalam merealisasikan sasaran penglibatan sebanyak 30 peratus dalam sektor ekonomi semasa pelaksanaan DEB di Ipoh. Di samping itu, beliau juga membincangkan masalah yang perlu dihadapi oleh kaum bumiputera semasa menjayakan matlamat tersebut. Fokus utama kajian beliau

---

<sup>40</sup> Muhammad Azam Ghazali, "Perkembangan Bandar Baru Seri Manjung," *Latihan Ilmiah*, Jabatan Geografi, Universiti Malaya, 1994.

adalah dalam sektor perindustrian kerana menurut beliau kaum Cina telah mendominasi sektor ini berbanding kaum bumiputera.<sup>41</sup>

Seterusnya disertasi oleh Ainon Jariah Muhamad yang bertajuk Kajian ke Atas Teluk Batik Daerah Manjung Sebagai Pusat Pelancongan: Implikasinya ke Atas Pasaran Hartanah Persekutaran.<sup>42</sup> Tesis ini membahaskan secara teliti tentang pembangunan industri pelancongan di daerah ini yang mempunyai lebih kurang tujuh kawasan teluk dan pantai yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan terbaik di Malaysia. Di samping itu, beliau juga membincangkan kesan-kesan yang mungkin wujud dalam pasaran hartanah akibat kegiatan ekonomi yang rancak dijalankan di kawasan ini.

Buku oleh Asmad yang bertajuk *Perak Darul Ridzuan* memberi fokus kepada negeri Perak dari pelbagai aspek. Misalnya aspek pentadbiran negeri yang mempunyai sembilan daerah, sejarah, keunikan serta kebudayaan yang terdapat di Perak. Fauziah Abdul Ralip iaitu *Gemilang Darul Ridzuan*<sup>43</sup> juga membahaskan secara terperinci mengenai perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai oleh Sultan Perak sehingga kepada kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat di negeri Perak.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penulisan mengenai negeri Perak telah banyak dihasilkan, namun tidak ada satu rujukan yang begitu memfokuskan keadaan

---

<sup>41</sup> Kalsom Yop Mohd. Kasim, "Pembangunan Perindustrian di Bandar Ipoh dalam Konteks Dasar Ekonomi Baru," *Latihan Ilmiah*, Diploma Lanjutan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Kajian Seni bina dan Ukur, Institut Teknologi Mara Shah Alam, 1985.

<sup>42</sup> Ainon Jariah, "Kajian ke Atas Teluk Batik Daerah Manjung Sebagai Pusat Pelancongan: Implikasinya ke Atas Pasaran Hartanah Persekutuan," *Disertasi*, Diploma Lanjutan Pengurusan Tanah, Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, 1988.

<sup>43</sup> Fauziah Abdul Ralip, *Gemilang Darul Ridzuan*, Selangor: Pustaka Cita Tinggi, 2002.

sosioekonomi semasa pelaksanaan DEB dan kesan DEB di daerah Manjung. Sebab itulah kajian ini perlu untuk dilakukan.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kajian ini cuba membahaskan sejauh manakah matlamat DEB telah meninggalkan kesan terhadap sosioekonomi di Manjung dari 1970 hingga 1990. Dalam makna kata lain adakah dua matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat berjaya dicapai terutamanya di daerah Manjung. Kajian ini penting untuk diselidiki kerana mampu merungkaikan keadaan sebenar sosioekonomi penduduk Manjung dalam tempoh tersebut. Terdapat sembilan buah daerah di negeri Perak<sup>44</sup> tetapi hanya daerah Manjung sahaja yang dibahaskan dalam kajian ini. Hal ini kerana terdapat banyak penulisan yang telah dibuat oleh para sarjana dan juga pelajar mengenai daerah ini, namun belum ada kajian berkaitan dengan keadaan sosioekonomi penduduk di daerah Manjung khususnya semasa DEB dilaksanakan. Melalui kajian ini diharapkan dapat memperbanyak sekali gus memenuhi keperluan pengetahuan mengenai sosioekonomi di daerah Manjung.

---

<sup>44</sup> Negeri Perak mempunyai sembilan daerah iaitu daerah Kinta, Kerian, Kuala Kangsar, Larut dan Matang, Batang Padang, Hilir Perak, Ulu Perak, Manjung dan Perak Tengah. Ibu negeri Perak ialah Ipoh yang terletak di kawasan Kinta. Di samping itu terdapat juga pelbagai bandar di daerah Kinta yang lain seperti Baju Gajah, Hulu Kinta, Chemor. Bagi daerah Batang Padang pula Tapah merupakan ibu bandar daerah ini manakala Slim River, Bidor dan Tanjung Malim merupakan daerah-daerah kecil yang lain yang terdapat dalam daerah ini. Bagi daerah Kerian pula, bandar utamanya adalah Parit Buntar manakala daerah Semanggol, Kuala Kurau serta Bagan Serai pula antara pekan utama. Terdapat dua bandar penting di daerah Kuala Kangsar iaitu bandar Kuala Kangsar dan pekan Sungai Siput. Mukim Parit pula merupakan bandar utama di Perak Tengah. Seterusnya Teluk Intan merupakan ibu daerah untuk Hilir Perak. Asmad, *Perak Darul Ridzuan*, hlm. 29-30.

Daerah Manjung<sup>45</sup> merupakan sebuah daerah yang terletak di kawasan pesisiran pantai negeri ini. Aktiviti ekonomi utama daerah ini ialah berteraskan kepada aktiviti perikanan. Malahan melalui aktiviti ini, Manjung telah muncul sebagai daerah yang menjalankan aktiviti perikanan terbesar kerana berjaya menghasilkan 50 peratus daripada jumlah semua tangkapan di negeri Perak pada 1977.<sup>46</sup> Melalui kajian ini timbul persoalan iaitu sejauh manakah pengenalan DEB mampu meningkatkan ekonomi terutamanya bagi sektor perikanan, pertanian dan juga kepada sektor ekonomi lain di daerah Manjung?

Selain itu, kajian ini cuba untuk merungkaikan cara pelaksanaan DEB dalam aspek ekonomi dan sosial penduduk daerah Manjung. Pelaksanaan ini dilihat dari segi taraf hidup, pendidikan dan pembangunan infrastruktur terutama bagi aspek perumahan, elektrik serta air dan sebagainya yang terdapat di daerah Manjung.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini ingin mencapai beberapa objektif iaitu:

- 1) Mengkaji latar belakang dan perjalanan DEB serta sejauh manakah pihak kerajaan dan swasta memainkan peranan mereka dalam menjayakan matlamat DEB?

---

<sup>45</sup> Kawasan daerah Manjung juga dikenali sebagai daerah Dinding. Wan Hashim Wan Teh, *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor*, hlm. 2., dan Othman Mohd Yatim, *Dinding Jajahan Istimewa di Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm. xxi.

<sup>46</sup> Wan Hashim Wan Teh, *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*, hlm. 2.

- 2) Membincangkan sejauh manakah penduduk daerah Manjung menunjukkan kesedaran untuk memperbaiki taraf sosioekonomi mereka semasa pelaksanaan DEB?
- 3) Menganalisis kesan pelaksanaan DEB terhadap sosioekonomi di daerah kajian.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mengupas sejauh manakah pengenalan DEB memberikan kesan terhadap pembangunan sosioekonomi di daerah Manjung. Hal ini kerana terdapat pelbagai pelan tindakan yang telah dirangka untuk memastikan matlamat DEB berjaya dilaksanakan di Manjung. Di samping itu, kajian ini merupakan satu percubaan untuk mendokumentasikan perubahan yang berlaku dalam sosioekonomi penduduk di Manjung semasa DEB dilaksanakan dari 1970 hingga 1990. Diharapkan kajian ini dapat mempelbagaikan lagi penulisan sejarah tempatan terutama dalam bidang sejarah Malaysia khususnya dalam aspek sosioekonomi di daerah Manjung.

### **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini merupakan suatu kajian yang menumpukan kepada keadaan sosioekonomi penduduk daerah Manjung selepas DEB diperkenalkan pada 1970 hingga 1990. Apabila sesuatu kajian melibatkan aspek sosioekonomi, sudah pasti skop kajiannya sangat luas. Maka dalam kajian ini, aspek-aspek penting dari segi sosioekonomi yang dihuraikan ialah sektor ekonomi masyarakat daerah Manjung seperti perikanan, pertanian, penternakan, perindustrian, pelancongan dan perusahaan. Bagi landskap sosialnya pula merangkumi bidang pendidikan, hubungan perpaduan, taraf

hidup penduduk dan pembangunan infrastruktur. Seterusnya aspek pembangunan fizikal seperti perumahan, kesihatan, kemudahan air dan elektrik, juga dibincangkan dalam kajian ini.

Pemilihan tajuk ini untuk memenuhi sumber sejarah khususnya dalam melihat objektif DEB yang diperkenalkan oleh kerajaan mampu membawa perubahan bagi meningkatkan taraf hidup kepada Manjung atau sebaliknya. Meskipun terdapat pelbagai kajian mengenai ekonomi di daerah Manjung, namun belum ada satu kajian yang menyentuh secara terperinci keadaan sosioekonomi daerah Manjung semasa DEB dilaksanakan sehingga 1990.

Faktor pemilihan tahun kajian iaitu dari 1970 hingga 1990 kerana dalam tahun tersebut kerajaan telah memperkenalkan DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat agar masalah yang wujud dalam masyarakat sehingga membawa kepada rusuhan 1969 tidak berulang lagi. Semasa 20 tahun pelaksanaan DEB, Kerajaan Negeri Perak telah merangka dan melaksanakan pelbagai program untuk memastikan objektif DEB berjalan dengan lancar.

Terdapat pelbagai perubahan sosioekonomi negara yang telah memberikan kesan secara langsung kepada masyarakat di Manjung. Hal ini kerana semasa DEB dilaksanakan, kerajaan telah memberi garis panduan untuk memastikan kelangsungan sektor ekonomi supaya berkembang maju. Malah pada masa yang sama matlamat DEB untuk menyatupadukan rakyat tercapai. Di samping itu, faktor utama pemilihan daerah Manjung kerana daerah ini menjalankan pelbagai jenis sektor ekonomi yang merupakan aspek utama dalam membangunkan taraf hidup masyarakat.

## **1.7 Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan ke atas sumber pertama yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Perak, Bahagian Khazanah Negeri Perak, Jabatan Perangkaan Negara, Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak. Disebabkan kajian ini lebih menjurus kepada sosioekonomi, penggunaan sumber pertama sangat dominan. Hal ini untuk memastikan setiap perubahan yang berlaku dapat dibuktikan melalui rekod statistik yang diperoleh daripada sumber yang berkaitan. Sebagai contoh sumber pertama ialah minit mesyuarat, Laporan Tahunan daripada agensi kerajaan, Laporan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Laporan Kawasan Pembangunan Nelayan Manjung dan lain-lain lagi laporan yang berkaitan.

Hasil dapatan diperkuatkan lagi dengan jumlah pengiraan dan perubahan yang berlaku dalam sosioekonomi masyarakat. Kaedah pengiraan menggunakan rumus matematik sedia ada juga digunakan untuk melihat setiap perubahan yang berlaku dalam aspek taraf hidup penduduk, ekonomi, bidang pendidikan serta pembangunan infrastruktur.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga menggunakan sumber lisan yang diperoleh daripada orang perseorangan. Pemilihan individu yang ditemui bual juga penting dalam memastikan setiap maklumat yang diperlukan sesuai dan sama dengan keadaan daerah Manjung semasa DEB dijalankan. Hal ini kerana kebanyakan data statistik terutama pada awal 1970-an yang berkaitan dengan kajian ini tidak dapat diperoleh kerana kaedah pensampelan untuk kutipan data oleh pihak berkaitan terutama Jabatan Perangkaan dan

jabatan-jabatan kerajaan negeri Perak hanya dilaksanakan di peringkat negeri dan strata iaitu bandar dan luar bandar sahaja. Malahan kebanyakan jabatan kerajaan yang terlibat dalam kajian ini tidak dibenarkan untuk menyimpan mana-mana data lebih lima tahun dari tahun 2013 dan terdapat data-data yang terpaksa dilupuskan atas sebab-sebab tertentu. Individu yang ditemui bual merangkumi tiga kategori iaitu pihak berkuasa, pihak pelaksana dan juga pihak yang menerima perubahan. Antara individu yang dikenal pasti untuk ditemui bual seperti bekas Menteri Besar Perak, Pegawai-pegawai yang mentadbir dan masih bertugas semasa tahun kajian, penghulu dan ketua kampung serta penduduk tetap daerah Manjung. Malahan kajian lapangan ke daerah Manjung juga dilakukan agar segala maklumat yang diperoleh dapat dibuktikan.

Di samping itu, penggunaan bahan rujukan seperti buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian dapat membantu untuk memastikan proses menghasilkan kajian ini berjalan dengan lancar. Kebanyakan bahan rujukan ini diperoleh daripada perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan perpustakaan awam. Artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian ini didapati daripada laporan seminar, majalah serta surat khabar digunakan bagi memperkaya maklumat yang diperlukan. Di samping itu, rujukan daripada latihan ilmiah yang dilakukan oleh pelajar juga membantu dalam kajian ini.

## **1.8 Organisasi Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 merupakan bab pengenalan yang membincangkan latar belakang kajian, kajian lalu, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kaedah kajian dan organisasi kajian. Bab 2 pula

membahaskan DEB dan keadaan sosioekonomi Perak dan Manjung sebelum 1970. Fokus utama bab ini mengenai faktor yang membawa kepada kemunculan DEB serta matlamatnya. Selain itu, keadaan sosioekonomi kawasan kajian sebelum 1970 merangkumi aspek ekonomi dan sosial penduduk juga dijelaskan. Malahan bab ini juga diterangkan secara umum mengenai pelaksanaan awal DEB di Perak dan Manjung.

Seterusnya bab 3, fokus utama ialah pelaksanaan DEB secara terperinci menerusi tanggungjawab yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam memastikan dua matlamat DEB tercapai di daerah Manjung. Malahan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan DEB dalam aspek pembangunan yang dirancang meliputi aspek memperbaiki ekonomi, pendidikan, kesihatan, juga akan dibahas. Bab 4 pula memberi fokus terhadap kesan pelaksanaan DEB di daerah Manjung sehingga membawa kepada kemajuan daerah ini. Kajian kesan sosioekonomi ini merangkumi aspek ekonomi seperti sektor perikanan, pertanian dan penternakan serta sektor pekerjaan. Di samping itu aspek perubahan sosial yang berlaku semasa pelaksanaan DEB seperti populasi penduduk, kemajuan pembinaan perumahan dan pembangunan infrastruktur akan diuraikan. Dalam bab ini ditonjolkan sama ada dua matlamat DEB bermula 1970 hingga 1990 berjaya atau tidak dicapai di daerah Manjung. Akhir sekali bab 5 adalah bab kesimpulan dan jawapan kepada permasalahan kajian yang telah dihasilkan dalam kajian ini.

## **BAB 2**

### **DASAR EKONOMI BARU**

#### **2.1 Pengenalan**

Malaysia terletak di kawasan kepulauan Asia Tenggara dan meliputi jumlah kawasan 330 ribu kilometer persegi. Malaysia terletak berdekatan dengan Laut Cina Selatan dan bersempadan dengan negara Thailand, Filipina di bahagian utara. Pada 1963, Malaysia telah ditubuhkan dengan kemasukan semua negeri di Semenanjung Malaysia dan juga penyertaan negeri Sarawak dan Sabah.<sup>1</sup> Negeri Sarawak dan Sabah terletak sejauh 864 kilometer dari Semenanjung Malaysia kerana terpisah oleh Laut Cina Selatan. Keluasan Semenanjung Malaysia adalah 132,000 kilometer persegi<sup>2</sup> dan

---

<sup>1</sup> Sebelum Sabah dan Sarawak membuat keputusan menyertai Gagasan Malaysia, satu suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan untuk menyiasat sama ada penduduk negeri Sabah dan Sarawak mahu menyertai gagasan Malaysia atau sebaliknya. Pada 1962 suruhanjaya ini telah mengeluarkan dua Kertas Putih yang bertajuk "Malaysia dan Sarawak" pada 4 Januari 1962 dan "Borneo Utara dan Malaysia" pada 31 Januari 1962. Tujuannya untuk memberi penerangan kepada rakyat Sabah dan Sarawak tentang konsep Malaysia supaya mereka dapat memberikan pendapat kepada laporan siasatan suruhanjaya ini. Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 49.

<sup>2</sup> K.S Jomo, *Growth and Structural Change in The Malaysian Economy*, London: Macmillan Press Ltd, 1990, hlm. 1.

terdapat sebelah buah negeri<sup>3</sup> di dalamnya termasuk negeri Perak Darul Ridzuan.

## 2.2 Sosioekonomi Malaysia Sebelum DEB

Malaysia mempunyai pelbagai ras, agama dan budaya yang diamalkan oleh masyarakatnya.<sup>4</sup> Hal ini telah menyebabkan wujud pelbagai kaum di dalam satu negara yang mempunyai sifat kebudayaan serta adat resam yang tersendiri. Sebelum abad ke-18 dan 19, Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu didiami oleh orang Melayu dan Orang Asli bersama sebilangan kecil kaum serta bangsa lain<sup>5</sup> dan menjalankan pelbagai corak pekerjaan. Misalnya Orang Asli menjalankan pekerjaan

---

<sup>3</sup> Pada awal 1970-an dan 1980-an kerajaan Malaysia telah menubuhkan wilayah persekutuan yang ditadbir oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Hal ini dapat dibuktikan pada 1 Februari 1974 kerajaan telah menubuhkan Wilayah Persekutuan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973. Manakala wilayah wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Kerajaan Persekutuan Malaysia telah diamanahkan untuk mentadbir wilayah persekutuan. Pentadbiran wilayah persekutuan terletak di bawah pentadbiran persekutuan dan diperintah oleh Yang di-Pertuan Agong. [http://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/perkara1-Ma\\_.Html](http://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/perkara1-Ma_.Html), tarikh akses 4 April 2014.

<sup>4</sup> Hubungan ekonomi antara negeri-negeri Melayu dengan Tanah Besar telah terjalin sekian lama. Hubungan yang erat ini telah menyebabkan imigran dari China berhijrah ke Tanah Melayu untuk terlibat dalam sektor ekonomi di sini. Malahan keadaan yang tidak aman dengan tercetusnya pemberontakan di kawasan tengah dan selatan China dan masalah pengangguran di China pada ketika itu telah menjadi daya penolak untuk mereka terus tinggal di tanah air mereka. Bagi kaum India pula, dasar pentadbiran British yang memperkenalkan sistem buruh kontrak pada pertama kali dan ditukar kepada sistem Kangani. Dalam sektor ekonomi, orang Cina telah mendominasi ekonomi perlombongan manakala orang India pula terlibat secara aktif dalam ekonomi getah. Kerancakan penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu pada 1870-an telah membawa menyebabkan hampir 65 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Selangor adalah orang Cina. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan orang India apabila sebanyak 703,809 orang India telah berhijrah ke Tanah Melayu sehingga 1931. Penghijrahan orang Cina dan orang India ke Tanah Melayu sejak pertengahan 1880-an merupakan titik permulaan kewujudan pelbagai etnik dan budaya di Tanah Melayu. Keadaan ini berlaku selepas kerajaan meluluskan akta kerakyatan yang merangkumi empat fasal seperti, Perkara 14 (Undang-undang), Perkara 15 (Pendaftaran), Perkara 19 (Kemasukan) dan Perkara 22 (Percantuman Wilayah). Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005, hlm. 9-12., dan S. Nanjudan, *Indians in Malayan Economy*, India: Manager of Publications Delhi, 1985, hlm. 12., dan *Perlembagaan Persekutuan hingga 20 Januari 2012*, Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2012, hlm. ii.

<sup>5</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 2.